

Pensyarah USIM antara penerima Anugerah Akademik Negara

SEREMBAN 27 Ogos - Pensyarah Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr. Siti Nurazira Mohd. Daud antara 14 ahli akademik institusi pengajian tinggi (IPT) negara yang dipilih menerima Anugerah Akademik Negara (AAN) 2011 dan 2012.

Siti Nurazira yang berkelulusan Sarjana Ekonomi, Universiti Utara Malaysia (UUM) dan doktor falsafah (PhD) dari University of Southampton, United Kingdom menggondol Anugerah Penerbitan Majalah Jurnal (Bidang Sains Sosial/Sastera).

Kejayaan itu sekali gus menyaksikan beliau membawa pulang hadiah berupa trofi, wang tunai RM50,000 serta sijil penghargaan yang disampaikan oleh Menteri Pendidikan, Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam majlis yang dilangsungkan di Putrajaya, baru-baru ini.

Penulisan beliau itu memfokuskan terhadap kajian empirikal dan analisis data terkini bagi melihat pertalian hubungan antara hutang pertumbuhan ekonomi bagi negara membangun.

Analisis tersebut meliputi 31 negara membangun antaranya Malaysia, Bolivia, Columbia, Mesir dan Zambia berpandukan tahap hutang dan pendapatan negara terbabit dalam tempoh 36 tahun.

Menurutnya, hasil model kajian yang dibangunkan itu boleh dijadikan asas dalam penggubalan polisi dan dasar ekonomi bagi negara membangun ke arah menjana pertumbuhan ekonomi yang lestari termasuk Malaysia.

"Ini kerana, matlamat asal pinjaman (hutang) adalah untuk menjana pelaburan negara, meningkatkan pendapatan rakyat seterusnya

membasmi kemiskinan, bukan sebaliknya.

"Melalui dapatan kajian ini, ia juga memberi penanda aras kepada para pelabur mengenai kemampuan sesebuah negara dan keupayaan ekonominya untuk membayar semula pinjamannya pada masa depan," jelasnya.

Dalam majlis sama, Anugerah Tokoh Akademik Negara 2011 diberikan kepada Prof. Emeritus Datuk Dr. Asmah Omar dari Universiti Malaya manakala penerima bagi 2012 ialah Prof. Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Abdul Karim (Universiti Malaya) dan Prof. Emeritus Datuk Dr. Abdul Latif Ibrahim (Universiti Industri Selangor).

Bagi penerima anugerah utama itu, masing-masing menerima trofi, wang tunai RM200,000 dan sijil penghargaan.



MUHYIDDIN Yassin menyampaikan Anugerah Akademik Negara kepada Siti Nurazira Mohd. Daud di Putrajaya, baru-baru ini. Turut kelihatan Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh (kiri).